

## PENELITIAN ISU KAJIAN DIALEK TERENGGANU

Riduan Makhtar

*Pusat Pengajian Teras*

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*

*riduan@kuis.edu.my*

Shahidi A. Hamid

*Pusat Penyelidikan Bitara Melayu Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti*

*Kebangsaan Malaysia (UKM)*

*cdzedic@gmail.com*

Norfazila Ab Hamid

*Pusat Pengajian Teras*

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) 012 368 2641*

*norfazila@kuis.edu.my*

Norhasliza Ramli

*Pusat Pengajian Teras*

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) 012 205 6072*

*norhasliza@kuis.edu.my*

### ABSTRAK

Makalah ini membincarakan sedikit sebanyak berkenaan dengan isu penelitian kajian dialek Terengganu. Pemerhatian pengkaji terarah kepada memaparkan sorotan kajian lepas-kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji lalu baik pengkaji dari luar maupun dalam negara. Hasil daripada penelitian penulis mendapatkan bahawa penyelidik-penyselidik sebelum ini telah melakukan penelitian mereka pada banyak aspek terhadap dialek Terengganu. Namun begitu, masih terdapat ruang yang boleh diisi oleh pengkaji akan datang dalam usaha melengkapkan dan mengisi kelompongan dialek Terengganu.

**Kata kunci:** *Dialek Terengganu, kelompongan, ruang.*

### PENDAHULUAN

Negeri Terengganu merupakan salah satu daripada 13 buah negeri di bawah Malaysia yang memiliki keluasan 12,955 km<sup>2</sup> atau 1,295,638.3 hektar. Negeri ini terletak di Semenanjung Malaysia iaitu di antara garisan bujur 102.25 dengan 103.50 dan garisan lintang 4 hingga 5.50. Di bahagian utara dan barat lautnya, negeri Terengganu berjiran dengan Negeri Kelantan, manakala di bahagian selatan dan barat dayanya berjiran dengan negeri Pahang. Negeri Terengganu mempunyai lapan daerah iaitu Besut, Setiu, Hulu Terengganu, Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Marang, Dungun, dan Kemaman. Setiap daerah di jaga dan di tadbir oleh Pegawai Daerah.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2019), jumlah penduduk negeri Terengganu

adalah seramai 1,254, 600 orang. 97.4 % adalah penduduk warganegara manakala 2.6 % adalah penduduk bukan warganegara yang terdiri daripada bumiputera sebanyak 97.1%, kaum Cina 2.5%, kaum India 0.2%, manakala lain-lain kaum adalah 0.2%. Dari segi jumlah penduduk pula, daerah yang paling ramai didiami oleh penduduk adalah daerah Kuala Terengganu iaitu seramai 353, 351 orang, manakala daerah yang paling sedikit didiami penduduk iaitu daerah Hulu Terengganu iaitu seramai 73, 156 orang diikuti oleh daerah-daerah lain iaitu Besut seramai 141, 918 orang, Dungun seramai 156, 246 orang, Kemaman 170, 778 orang, dan daerah Marang 100, 168 orang (sumber: Portal Rasmi Kerajaan Negeri Terengganu).

Kegiatan ekonomi negeri Terengganu terkenal dengan perikanan yang merupakan kegiatan tradisi masyarakat Terengganu kerana kedudukannya yang terletak berhampiran dengan Laut China Selatan. Namun begitu, seiring dengan kemajuan teknologi kini, sumber petroleum telah menjadi penyumbang terbesar kepada hasil pendapatan negeri Terengganu.

Penempatan di negeri Terengganu telah bermula sejak 4000 tahun yang lalu dengan terjumpanya bekas peninggalan manusia purba di Gua Bewah, Hulu Terengganu. Selang masa 1000 tahun kemudian, wujud pula satu lagi petempatan di kawasan pedalaman iaitu Kuala Berang yang telah dicatat oleh pengembara dari China pada abad ke-12 yang telah menggelarkan Terengganu sebagai Fo-lo-an. Pada waktu yang sama juga telah terbinanya sebuah Pelabuhan dan pusat perdagangan yang dikunjungi oleh para pedagang daripada serata negara asing. Hal ini telah dinyatakan oleh Chao Ju Kau di dalam jurnalnya Chu Fan Chi yang menyatakan negeri Terengganu juga disebut sebagai Tong Ya Nong (Sulong Mohamad 2012: 143).

Ibu negeri bagi Negeri Terengganu adalah Kuala Terengganu yang menjadi pusat pentadbiran utama negeri. Kedudukannya yang strategik di Kuala Terengganu berdekatan dengan Laut China Selatan dan juga hilir Sungai Terengganu yang dahulunya menjadi jalan utama perhubungan penduduk. Oleh sebab itu, adalah tidak mustahil sekiranya Negeri Terengganu pada suatu ketika dahulu telah menerima Islam lebih awal berdasarkan penemuan batu bersurat 903 Hijrah (1303 Masihi). Keadaan ini telah diakui oleh Asmah Haji Omar (2008) bahawa, batu bersurat Terengganu dijumpai pada 1887 di tebing kanan Sungai Tersat berdekatan dengan Kampung Buloh, Kuala Berang, Terengganu yang boleh di lihat pada lampiran peta 1.



## Peta 1 : Negeri Terengganu

## **SOROTAN DAN ISU KAJIAN**

Telah wujud ramai pengkaji yang telah melakukan kajian terhadap dialek Terengganu sejak dari pramerdeka dan pascamerdeka yang terdiri daripada pengkaji tempatan mahupun pengkaji luar. Antara pengkaji barat yang telah melakukan penelitian terhadap dialek Terengganu adalah Hervey (1881), Sturrock (1912), Mckerrun (1931), dan Brown (1935). Tidak ketinggalan juga pengkaji tempatan yang telah menjalankan kajian mereka terhadap dialek Terengganu seperti Ismail Hussein (1973), Asmah Haji Omar (1977/1985), Abdul Hamid Mahmod (1990), Ajid Che Kob (1997/2006), Noraien Mansur, Noor Ruhana Mansor & Normaliza Abd. Rahim (2013), Mohd Tarmizi Hasrah (2013), Sharif Putera (2013), Ismail Dahaman (2013), Shahidi A. Hamid, Mohamad Firdaus Azaharudin & Rahim Aman, dan Mohamad Firdaus Azaharudin (2020).

## **PERBINCANGAN SOROTAN LALU**

Kajian yang dilakukan oleh Ismail Hussein (1971) adalah merupakan pengkajian tempatan terawal yang telah melakukan kajian terhadap dialek Kelantan. Beliau telah membuat pengelompokan dialek-dialek Melayu di Semenanjung Melayu. Menurut beliau, dialek-dialek Melayu dibahagikan kepada 14 kelompok berdasarkan ciri-ciri fonologi.

Kajian Asmah Haji Omar (1977) telah membincarkan berkenaan dengan kepelbagaiannya fonologi dialek-dialek Melayu di Semenanjung Malaysia. Beliau telah membahagikan kelompok dialek di Semenanjung Malaysia kepada empat pecahan iaitu kelompok Barat Laut yang terdiri

daripada Kedah, Perlis, Pulau Pinang iaitu Perak utara. Kelompok kedua pula menjurus kepada Timur Laut iaitu dialek Kelantan. Kelompok ketiga pula mencakupi bahagian Timur yang terdiri daripada dialek Terengganu. Manakala pembahagian keempat dan terakhir pula merujuk kepada kelompok Selatan yang terdiri daripada Johor, Melaka, Pahang, Selangor dan Perak pada bahagian selatan. Kajian yang telah dilakukan oleh Asmah ini adalah dilakukan secara umum sahaja dan tidak menyentuh secara lebih mendalam dan terperinci pada setiap kelompok dan dialek yang telah ditemui oleh beliau.

Selain pengkaji tempatan, pengkaji luar juga turut mempunyai minat terhadap kajian di Malaysia antaranya adalah Collins (1983). Beliau telah meneliti geografi dialek dari aspek fonologi dialek di Hulu Terengganu. Beliau telah mengaplikasikan kaedah pemetaan dan pengelompokan varian secara manual dan tradisional. Hasil penemuan beliau menunjukkan terdapatnya gejala kebahahaasaan yang berlaku di Hulu Terengganu.

Kajian yang dilakukan oleh Asmah Haji Omar (2008) membicarakan sedikit sebanyak berkenaan dengan dialek Terengganu. Beliau telah melihat beberapa subdialek untuk menentukan penyebaran dialek di Terengganu di samping menentukan kawasan peralihan atau kawasan yang menerima pengaruh dari luar. Antara subdialek-subdialek yang diperkatakan adalah dituturkan di Hulu Telemong, Jerangau, Kuala Jengai, Bandar Terengganu (Kampung Manir), Hulu Nerus, dan Hulu Dungun. Beliau telah menemui tujuh fonem vokal dalam subdialek ini. Beliau menyimpulkan bahawa, terdapat pengaruh resapan dialek Kelantan ke dalam dialek Terengganu di Hulu Nerus, subdialek Kuala Terengganu dianggap standard dan mewakili dialek Terengganu standard, kawasan Besut dan hulu Nerus merupakan kawasan peralihan antara dialek Terengganu dan dialek Kelantan, subdialek Hulu Telemong mewakili ciri-ciri yang menyimpang dari subdialek bandar Kuala Terengganu, dan kesinambungan antara subkawasan-subkawasan dialek jelas dari ciri-ciri pertuturnya.

Kajian oleh Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor, dan Normaliza Abd Rahim (2013) telah menyentuh secara umum berkenaan dengan ciri-ciri dan keunikian dialek Terengganu serta peri pentingnya pemeliharaan serta pengekalan khazanah warisan variasi dialek Kelantan.

Manakala kajian oleh Normaliza Abd Rahim, Noraien Mansor, dan Noor Rohana Mansoor (2014) terhadap perbualan masyarakat daerah Kuala Terengganu. Dapatan yang diperoleh oleh pengkaji menunjukkan, subjek lebih selesa menggunakan bahasa daerah dan keyakinan menggunakan bahasa daerah lebih terserlah semasa berlakunya komunikasi berbual. Manakala penggunaan kata singkatan yang mempunyai huruf ‘e’ pertukaran huruf ‘s’ kepada huruf ‘h’, dan akhiran ‘g’ begitu ketara semasa perbualan tersebut.

Penelitian yang dilakukan oleh Nur Adibah Hasan dan Sharifah Raihan Syed Jaafar (2017) berkenaan dengan struktur suku kata dialek Terengganu. Hasil penemuan mereka mendapati, dialek Terengganu mempunyai tiga jenis struktur suku kata iaitu KV, KVK, dan KKV. Teori Optimaliti (TO) telah dipilih sebagai teori dalam menganalisis data yang diambil daripada siaran radio Terengganu fm. *Ketiga-tiga struktur suku kata yang telah dikenal pasti ini mewujudkan perbezaan tatatingkat kekangan. Hasil analisis telah menghasilkan tatatingkat kekangan seperti berikut: ONSET >> MAKS-IO >> \*KODA >> IDENT-IO[F] >> \*ONS KOMPLEKS.*

Kajian yang dilakukan oleh Mohamad Firdaus Azaharuddin (2020) telah membincangkan dan membuat pemetaan penyebaran variasi fonologi dan leksikal varian dialek di Lembangan Sungai Terengganu bermula dari hulu sungai sehingga ke hilir sungai iaitu Kuala Terengganu. Beliau telah mengaplikasikan aplikasi perisian *Geographical Information System* (GIS) atau Sistem Informasi Geografi dalam membuat pelakaran peta koroplek dan sempadan dialek atau isoglos. Beliau telah berjaya menyerlahkan kewujudan lapan varian dialek Lembangan Sungai

Terengganu iaitu varian Makam Lama, Tajin, Butut, Pauh, Bidur, Kuala Pueh, Jenagur, dan Baung. Selain itu, dapatan beliau juga menunjukkan bahawa dialek di Lembangan Sungai Terengganu tidak mengalami sebarang pengaruh dialek luar dan juga bahasa Orang Asli.

Analisis dan perbincangan berkenaan dengan kajian lepas-kajian lepas yang telah membincangkan berkenaan dengan dialek Terengganu mendapati bahawa terdapat pelbagai penemuan dalam menentukan dan memaparkan kajian masing-masing dari sudut penelitian masing-masing. Oleh itu, kewujudan ruang-ruang yang masih belum diisi oleh pengkaji lalu memberikan kebaikan kepada pengkaji akan datang dalam mengisi ruang atau kelompongan yang masih belum diisi tersebut.

## **PENUTUP**

Kesimpulan, kajian terhadap dialek Terengganu masih belum berpada walaupun telah ramai pengkaji-pengkaji lepas telah melakukan kajian terhadap dialek Terengganu khususnya kajian yang berfokus kepada bidang dialektologi geografi moden. Adalah wajar dan sangatlah sesuai sekiranya pengkaji akan datang dapat melengkapkan dan mengisi ruang atau kelompongan kajian terhadap dialek Terengganu dan seterusnya menjadikan kajian terhadap dialek Terengganu dapat dilengkapkan dan seterusnya didokumentasikan dan dimanfaatkan oleh semua golongan masyarakat.

## **RUJUKAN**

- Asmah Haji Omar. 2008. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.  
Abdul Rahman Embong. 2012. *Terengganu Merentasi Tiga Abad*. Yayasan DiRaja Sultan Mizan.  
Mohamad Firdaus Azaharuddin. 2020. *Penelitian Variasi Fonologi dan Leksikal Varian Dialek Lembangan Sungai Terengganu*.  
Idris Aman & Mohammed Azlan Mis. 2016. *Variasi Bahasa*. Universiti Kebangsaan Malaysia.  
Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor, dan Normaliza Abd Rahim. 2013. *Dialek Melayu Terengganu: Pendokumentasian dan Pengekalan Warisan Variasi Bahasa Tempatan*. ResearchGate.  
Normaliza Abd Rahim, Noraien Mansor, dan Noor Rohana Mansor. 2014. *Perbualan Masyarakat Daerah Kuala Terengganu*. Universiti Malaysia Terengganu.  
Nur Adibah hasan dan Sharifah Raihan Syed Jaafar. 2017. *Struktur Suku Kata Terbitan Dialek Terengganu*. Akademika.